

NO. SOALAN : 414

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN
SHAH [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN :

YB. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah angka ketibaan pelancong asing ke Malaysia, khususnya pelancong dari negara China, berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya selepas insiden MH370 yang telah hilang-terhempas.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, Malaysia mencatatkan ketibaan seramai **27.44 juta** orang pelancong asing iaitu peningkatan sebanyak **6.7 peratus** berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2013 iaitu seramai **25.72 juta** orang pelancong asing.

Insiden MH370 ada memberi kesan kepada ketibaan pelancong asing dari pasaran negara China di mana bagi tempoh Januari hingga Disember tahun 2014 ketibaan adalah seramai **1,613,355 orang** pelancong berbanding bagi tempoh yang sama tahun 2013 iaitu seramai **1,791,423** orang pelancong dengan **penurunan sebanyak 9.9 peratus**

Sekian, terima kasih.